



KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

- A. Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk membuat permohonan jawatan bertaraf kontrak seperti berikut :

**PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN GRED N29 (KONTRAK)
(1 Kekosongan)**

1. Kumpulan : Pelaksana
Perkhidmatan
2. Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan
Perkhidmatan
3. Tempoh Kontrak : Dua (2) tahun
4. Jabatan : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
5. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

6. Syarat Lantikan:

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia,
 - ii. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - iii. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- iv. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau

- v. Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00; atau)

- vi. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95)

7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Deskripsi Tugas :

Membantu Pegawai Penerbitan dalam perkhidmatan maklumat termasuk pengurusan perpustakaan khas, penerbitan dan sistem dokumentasi.

JURUAUDIO VISUAL GRED N19 (KONTRAK)
(1 Kekosongan)

1. Kumpulan : Pelaksana
Perkhidmatan
2. Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan
Perkhidmatan
3. Tempoh Kontrak : Dua (2) tahun
4. Jabatan : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
5. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4,003.00	RM100.00

6. Syarat Lantikan:

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia,
 - ii. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)

- vi. dan memiliki lesen memandu Kelas D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)].

7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan pemasangan alat audio visual, memberi khidmat kemudahan alat siar raya dan peralatan audio visual kepada Pegawai Pengembangan, menjalankan kerja post production dan salinan koleksi bahan media, menjalankan kerja penyediaan bahan pameran dan menyelenggarakan peralatan alat audio visual.

**PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (KONTRAK)
(1 Kekosongan)**

1. Kumpulan : Pelaksana
Perkhidmatan
2. Klasifikasi : Kemahiran
Perkhidmatan
3. Tempoh Kontrak : Dua (2) tahun
4. Jabatan : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
5. Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

6. Syarat Lantikan:

- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- i. warganegara Malaysia,
 - ii. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - iii. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - iv. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh pecubaan (P)]; dan
 - v. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
 - vi. Gaji permulaan GredH11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :
 - a) Lesen D: RM1,264.15
 - b) Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
 - c) Lesen F/H: RM1,356.45
 - d) Lesen G/I: RM1,402.60

7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Deskripsi Tugas :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan

Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

B. TARAF JAWATAN : KONTRAK

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT- SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN

1. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
2. Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (*COLA*) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

D. CARA MEMOHON

1. Pemohon-pemohon hendaklah mengisi permohonan di dalam portal ikerja.kedah.gov.my
2. Pemohon yang berkelayakan sebagaimana yang ditetapkan di atas sahaja layak memohon. Sebarang permasalahan ketika mengisi permohonan ini boleh menghubungi urus setia (UPPK) 04-702 7266 atau di talian teknikal sistem ikerja 04-702 7816/7806
3. Permohonan yang **lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.**

E. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui ikerja.kedah.gov.my sahaja.
2. Tarikh buka dan tutup permohonan jawatan :
Buka : 6 Ogos 2023 (Ahad) Jam 8.00 pagi
Tutup : 20 Ogos 2023 (Ahad) Jam 11.59 malam

F. CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
2. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
3. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
4. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan mengikut kepentingan perkhidmatan.
5. Sila patuhi arahan yang diberikan.